

2 kementerian atasi kekurangan bekalan telur

BH 15/12/18

Ipoh: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang meneliti beberapa langkah bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam yang menjadi punca harganya dinaikkan setiap minggu.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang dijalankan bagi mengatasi masalah itu, terutama menjelang musim perayaan.

“Kita serahkan perkara ini kepada ahli jawatankuasa yang ditubuhkan bagi dua kementerian ini supaya dapat cari jalan penyelesaiannya,” katanya.

Wabak selesema burung

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara (AMANAH) di Hotel Casuarina@Meru di sini, semalam.

Salahuddin berkata, antara penye-

bab kekurangan bekalan harga ayam adalah lebihan eksport ke negara jiran dan wabak selesema burung.

Bincang dengan KPDNHEP

“Saya ada terima maklumat oleh pihak yang terbabit bahawa antara faktor adalah penyakit yang melanda industri ayam dalam negara kita iaitu selesema burung. Terdapat kekurangan bekalan dan satu kajian telah dibuat mengenai kelebihan eksport kita ke luar negara.



Salahuddin Ayub

“Jadi saya sudah memberi arahan kepada kementerian saya supaya adakan perbincangan dengan KPDNHEP kerana ada jawatankuasa bersama yang wujud sebelum ini untuk tangani masalah kenaikan harga,” katanya.

Bekalan telur ayam berkurangan menjadi punca harga dinaikkan setiap minggu sehingga mencecah 43 sen hingga 46 sen sebiji bersamaan RM13 hingga RM13.80 sepapan untuk gred A.